

13 JUN 1999

Umno-perhimpunan

KEJUTAN PRESIDEN UMNO JADI TANDATANYA

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Apa agaknya "kejutan" yang dijanjikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam amanatnya selaku presiden Umno pada Perhimpunan Agung parti itu bermula Jumaat ini?

"Mesejnya adalah sesuatu yang mengejutkan, malah ia akan juga mengejutkan kamu (media)," kata Dr Mahathir kepada pemberita baru-baru ini apabila ditanya mengenai amanatnya pada perhimpunan agung parti nanti.

Anggota Umno memang sentiasa mengikuti dengan minat amanat presiden mereka tetapi kali ini mereka tentunya menunggu dengan penuh persoalan berdasarkan pembayang bahawa ucapannya itu mengandungi unsur kejutan.

Yang pasti amanat Dr Mahathir kali ini tidak akan lari daripada soal persediaan parti menghadapi pilihan raya umum yang perlu diadakan sebelum Julai tahun depan.

Selain ucapan yang dinanti-nantikan itu, perhimpunan itu tetap menarik walaupun tiada pemilihan.

Ini kerana Umno berdepan dengan cabaran hebat dari pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang, kata pemerhati.

Dr Mahathir pernah berkata beliau menjangka pilihan raya kali ini akan menjadi kotor kerana pembangkang menggalakkan budaya fitnah, maki hamun dan mencarut.

Pemerhati berkata Umno dijangka mengambil kesempatan daripada perhimpunan agung kali ini untuk mengukuhkan perpaduan terutamanya di peringkat akar umbi berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti dan kerajaan pada September tahun lepas.

Parti itu dijangka melipatganda usaha penerangan untuk anggotanya dan orang awam berhubung pelbagai tohmahan dan fitnah yang dilemparkan terhadapnya termasuk berkaitan isu Anwar.

Pemerhati berkata tindakan pembangkang turut mengambil kesempatan mengeksploitasi pemecatan Anwar untuk mendapatkan sokongan orang ramai merumitkan lagi keadaan.

Dr Mahathir dijangka memanfaatkan perhimpunan agung ini untuk mengutarakan soal kesetiaan ahli terhadap parti.

Amanat Presiden juga dijangka meliputi langkah-langkah kerajaan memulihkan ekonomi negara yang setakat ini telah menampakkan hasil menggalakkan.

Seperti biasa, Perhimpunan Agung Umno didahului oleh perhimpunan pergerakan Pemuda dan Wanita sehari sebelumnya.

-- BERNAMA

ARA MAI